



**SIARAN AKHBAR JABATAN TANAH BIL. 2/2021**  
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

- Berikut dengan kenyataan Kementerian Kesihatan semasa Sidang Media pada 21 Ogos 2021 mengenai **langkah-langkah pengawalan yang telah diperketatkan** sebagaimana Sidang Media Kementerian Kesihatan pada 07 dan 09 Ogos 2021 adalah dilanjutkan sehingga Hari Sabtu, 04 September 2021.
- Makluman pengemaskinian perkhidmatan bagi Jabatan Tanah dan cawangan-cawangan Pejabat Tanah Daerah adalah seperti berikut:

Bil	Cawangan Pejabat Tanah	Jenis Perkhidmatan	Pembayaran	Kaunter
1.	Pejabat Tanah Brunei dan Muara	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pindah Milik Tanah</li><li>• Tukar Syarat Khas Tanah</li><li>• Gadaian</li><li>• Memajak Tanah Persendirian</li><li>• Membaharui Tempoh Pajakan</li><li>• Keterangan Maklumat Tanah</li><li>• Mengganti Geran</li><li>• Pemecahan dan Penyatuan Tanah</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Cukai Tahunan</li><li>• Tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS)</li><li>• Duti Setem</li><li>• Premium</li><li>• Royalti</li><li>• Lain-lain pembayaran</li></ul>	<b>Ditutup sementara bermula pada 23 Ogos 2021 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian</b>
2.	Pejabat Tanah Tutong	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pendaftaran Tuntutan Waris</li><li>• Kaveat</li><li>• Taksiran Tuntutan Waris, Skim Pinjaman Kerajaan (Housing Loan)</li><li>• Memajak Tanah Kerajaan</li><li>• Menghalakan Saliran ke Tanah Kerajaan</li><li>• Jalan Laluan di Atas Tanah Kerajaan</li><li>• Lain-lain permohonan</li></ul>		
3.	Pejabat Tanah Belait			
4.	Pejabat Tanah Temburong			

Sebarang pertanyaan boleh dibuat ke Ibu Pejabat Jabatan Tanah melalui talian 238 1181 atau 238 3182/3/4/5/6/7 atau melalui emel Jabatan di laman sesawang [www.tanah.gov.bn](http://www.tanah.gov.bn) dan tekan punat ‘Hubungi Kami’

**Sila nyatakan dengan lengkap Nama, Alamat, Emel, No Perhubungan  
dan pilih jenis permohonan.**


- Bagi Permohonan Pindah Milik Tanah Dan Pembayaran Duti Setem Pindah Milik Tanah

Bil	Status Permohonan	Ketetapan
1.	Permohonan baru diterima oleh Jabatan Tanah dan telah menerima teks pesanan ringkas [SMS] melalui talian 39999 untuk menghadiri perjanjian penandatanganan Penyata Pindah Milik [Memorandum Of Transfer - M.O.T] dan dikehendaki untuk menjelaskan tuntutan duti setem dalam tempoh yang ditetapkan iaitu <b>dua [2] minggu daripada tarikh menerima SMS</b> .	Permohonan tidak akan dibatalkan dan pemohon tidak akan dikenakan penalti kelewatan membayar duti setem sepanjang tempoh tempoh penutupan kaunter.
2.	Pemohon yang menerima teks pesanan ringkas [SMS] melalui talian 39999 untuk memaklumkan permohonan Pindah Milik telah diluluskan dan dikehendaki untuk menjelaskan tuntutan duti setem dalam tempoh yang ditetapkan iaitu <b>dua [2] minggu daripada tarikh menerima SMS</b> .	Pemohon tidak akan dikenakan penalti kelewatan membayar duti setem sepanjang tempoh penutupan kaunter.
<b>Pemohon-pemohon akan dimaklumkan melalui teks pesanan ringkas [SMS] melalui talian 39999 untuk menghadiri perjanjian baru dan membuat pembayaran duti setem setelah kaunter-kaunter dibuka semula.</b>		

- Walaubagaimanapun, bagi perkhidmatan yang masih memerlukan borang permohonan dan sebagainya untuk dihadapkan ke Pejabat-Pejabat dan Bahagian-Bahagian di Jabatan Tanah, *drop box* adalah disediakan di keempat-empat daerah bagi kemudahan orang ramai yang membuat urusan. Sukacita dipohonkan kepada orang ramai untuk memastikan dokumen-dokumen berkenaan dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan dengan jelas nama Pejabat atau Bahagian yang ditujukan. Borang-Borang boleh dimuat turun (download) melalui laman sesawang Jabatan Tanah ([www.tanah.gov.bn](http://www.tanah.gov.bn)). **Lokasi drop box** adalah seperti berikut:

Daerah	Pejabat / Bahagian	Lokasi Drop Box
Brunei dan Muara	Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Tingkat 4	Depan Pintu Masuk, Setiap Pejabat dan Bahagian-Bahagian, Jabatan Tanah, Berakas
	Bahagian Perkhidmatan dan Perkembangan, Tingkat 3	
	Bahagian Pematuhan dan Penguatkuasaan, Tingkat 3	
	Bahagian Registri, Tingkat 3	
	Bahagian Penilaian, Tingkat 2	
	Bahagian Pemerolehan & Pelupusan, Tingkat 2	
	Pejabat Tanah Brunei & Muara, Tingkat 1	
Tutong	Unit Hakmilik dan Urusniaga, Aras Bawah	Depan Pintu Masuk, Pejabat Tanah Tutong
	Pejabat Tanah Tutong	
Belait	Pejabat Tanah Belait	Depan Pintu Masuk, Tingkat 1, Pejabat Tanah Belait
Temburong	Pejabat Tanah Temburong	Depan Pintu Masuk, Tingkat 1, Pejabat Tanah Temburong

- Tatacara menghantar permohonan dan sebagainya:



**Perhatian:**

Borang-Borang boleh dimuat turun (*download*) melalui laman sesawang Jabatan Tanah ([www.tanah.gov.bn](http://www.tanah.gov.bn)) dan ianya adalah terhad kepada beberapa permohonan sahaja.

**Pihak Jabatan Tanah akan menghubungi mana-mana permohonan yang tidak lengkap untuk diambil semula yang ditempatkan di sebelah *drop box* yang disediakan.**

- Pihak Jabatan Tanah akan menghubungi pemohon untuk penetapan tarikh dan jam temujanji bagi setiap urusniaga.
- Kerjasama dan perhatian orang ramai adalah sangat-sangat diharapkan bagi sama-sama melaksanakan tanggungjawab mencegah jangkitan dan wabak.
- Untuk makluman, dalam situasi pada masa ini tempoh memproses permohonan akan berbeza daripada lazimnya.
- Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang dihadapi.

Sekian disampaikan.

**Jabatan Tanah**

**Kementerian Pembangunan**

**Negara Brunei Darussalam**

**Hari Rabu, 23 Muharram 1443H / 01 September 2021M**

**Rujukan: 218/CL/32/42/PT.1**